



**SISTEM PEMAHAMAN RASUAH, INTEGRITI
DAN GOVERNANS (eCIG)
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

PANDUAN PENGGUNA SISTEM

**Unit Integriti
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

1.0 Pengguna

1.1 Menu Utama



- i) Tekan butang “**Semak Sistem Pemahaman Rasuah, Integriti dan Governans (eCIG) 2025**” untuk menjawab Kuiz Ikrar Bebas Rasuah.

1.2 Semakan No Kad Pengenalan

The screenshot shows a form titled 'Semak Status'. Below the title, it says 'Sila masukkan No Kad Pengenalan untuk Kuiz Ikrar Bebas Rasuah 2025'. There is a text input field with the placeholder 'Masukkan No Kad Pengenalan' and a blue button labeled 'Semak' with a right-pointing arrow.

- i) Masukkan no kad pengenalan pada ruangan yang disediakan. Klik butang “**Semak**” untuk semak/sertai Kuiz Ikrar Bebas Rasuah 2025.

1.3 Pengguna Sedia Ada @ Sejarah Keputusan Kuiz

A Profil Pegawai

Nama: SARIZAL BIN SHAFIEE

No Kad Pengenalan: 850206075000

B Ringkasan Ikrar Bebas Rasuah, Akta Rahsia Rasmi, *Integrity Pack* dan Konflik Kepentingan tahun 2025

Ikrar Bebas Rasuah

Akta Rahsia Rasmi

Integrity Pack

Konflik Kepentingan

Bahagian/Jabatan	Tahun	Markah	Tarikh Aku Janji	Cetak Semula
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI NEGERI, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG	2025	100	03-02-2025 02:43 PM	Cetak Slip

C Ringkasan Sejarah Ikrar Bebas Rasuah, Akta Rahsia Rasmi, *Integrity Pack* dan Konflik Kepentingan

Bahagian/Jabatan	Tahun	Markah	Tarikh Aku Janji	Cetak Semula
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI NEGERI, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG	2024	100	09-01-2024 03:43 PM	Cetak Slip

- Senarai paparan sejarah kuiz yang telah dijawab akan dipaparkan.
- Butang “**Cetak Slip**” untuk mencetak slip akujanji tahun sebelumnya.
- Jika masih belum menjawab pada tahun semasa, klik butang “**Klik di sini untuk Kuiz eCIG 2025**” untuk mula menjawab.

1.4 Pengguna Baru

A Profil Pegawai

Tiada Rekod Ditemui untuk No Kad Pengenalan 850206075000

NOKP: 850206075000 tidak dijumpai.

[Klik di sini untuk Kuiz eCIG 2025](#)

- Klik butang “**Klik di sini untuk Kuiz eCIG 2025**” untuk mula menjawab.

1.5 Menjawab Soalan Kuiz Ikrar Bebas Rasuah

A

PROFIL PEGAWAI

Nama:

MASUKKAN NAMA

No Kad Pengenalan:

850206075000

Jabatan:*

Pilih Jabatan

Bahagian:*

Pilih Bahagian

- i) Isi maklumat profil pegawai pada ruangan yang disediakan.

B

SOALAN KUIZ IKRAR BEBAS RASUAH 2025

SOALAN 1 :

Tatacara Pemberian Dan Penerimaan Hadiah Dalam Perkhidmatan Awam adalah berdasarkan ceraiian:

☐ Ceraiian 7.2.5 - Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, Tatakelakuan Dan Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam

☐ Ceraiian 7.2.6 - Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, Tatakelakuan Dan Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam

☐ Ceraiian 7.2.7 - Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, Tatakelakuan Dan Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam

☐ Ceraiian 7.2.8 - Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, Tatakelakuan Dan Pengurusan Tatatertib Pegawai Awam

- ii) Semua soalan yang diberi perlu dijawab dengan menanda pada butang pilihan jawapan.

Verifikasi Keselamatan



Masukkan Jawapan

Hantar Kuiz

Reset Kuiz

- iii) Masukkan jawapan yang tepat berdasarkan soalan captcha yang diberi. Klik simbol **reset** untuk menukar soalan captcha.
- iv) Klik butang **“Reset Kuiz”** untuk mengosongkan semua pilihan jawapan yang dipilih.
- v) Sekiranya selesai menjawab, klik butang **“Hantar Kuiz”** untuk menghantar jawapan kuiz.

1.6 Slip Pengesahan Kuiz Ikrar Bebas Rasuah

Keputusan

Pengesahan Aku Janji Ikrar Bebas Rasuah(IBR)2025

Nama : ALI BIN ABU

NoKP : 850206075000

Jabatan : PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Bahagian : BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI NEGERI

Tarikh : 05-11-2025 17:27:25

Saya adalah dengan sesungguhnya dan suci hati berikrar bahawa sepanjang perkhidmatan saya dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang:-

1. Saya akan mematuhi sepenuhnya undang-undang, peraturan, prosedur serta dasar-dasar negara yang berkaitan dengan pencegahan jenayah rasuah dan salah guna kuasa;

2. Saya akan membenci dan menolak sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna kuasa, serta memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam mencegah sebarang pelakuan jenayah rasuah dan salah guna kuasa;

3. Saya tidak akan melibatkan diri dalam sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna kuasa, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan mana-mana pihak yang berurusan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang;

4. Saya akan memastikan kakitangan-kakitangan di bawah seliaan saya tidak akan melibatkan diri dalam sebarang bentuk jenayah rasuah dan salah guna kuasa dalam apa-apa jua urusan berkaitan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang;

5. Saya akan melaporkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dengan seberapa segera, sebarang bentuk pelakuan jenayah rasuah dan salah guna kuasa yang melibatkan saya atau kakitangan-kakitangan di bawah seliaan saya;

6. Saya akan mengamalkan Amalan Pentadbiran yang berlandaskan Prinsip CAT (Cekap, Akauntabiliti, Telus);

7. Saya akan menerima dasar melaksanakan tender terbuka Kerajaan Negeri bagi memperolehi tawaran yang kompetitif;

8. Saya tidak akan membenarkan ahli keluarga untuk melibatkan diri dalam kontrak Kerajaan Negeri termasuk berurusan dengan Kerajaan Negeri;

9. Saya akan melindungi pemberi maklumat atau peniup wisel yang tulen;

10. Saya akan mengambil tindakan sewajarnya ke atas warga kerja yang hidup mewah melebihi pendapatan rasminya;

11. Saya tidak akan menerima 'donation' peribadi; dan

12. Saya akan mengambil tindakan tegas ke atas pegawai yang melanggar kesemua di atas.

Jawapan Yang Tidak Tepat

- Semua maklumat pemgguna dan keputusan kuiz dipaparkan.
- Klik butang **“Muat Turun Aku Janji”** untuk mencetak kuiz.
- Klik butang **“Jawapan Yang Tidak Tepat”** untuk menyemak jawapan yang dijawab salah.

1.7 Senarai Jawapan Yang Tidak Tepat

Jawapan Tidak Tepat : 0202020202		
Soalan	Jawapan Pilihan	Jawapan Sebenar
Kabel termasuk kabel elektrik dan telekomunikasi yang menyalurkan data dan menyokong perkhidmatan penyampaian maklumat hendaklah dilindungi. Langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil adalah seperti berikut KECUALI :	Melindungi laluan pemasangan kabel sepenuhnya bagi mengelakkan ancaman kerosakan dan wire tapping	Semua kabel tidak perlu dilabelkan dengan jelas dan mestilah tidak melalui trunking bagi memastikan keselamatan kabel daripada kerosakan dan pintasan maklumat
..... dan bermaksud tidak meninggalkan bahan-bahan yang sensitif terdedah sama ada di atas meja atau di paparan skrin apabila pengguna tidak berada di tempatnya.	Clear Desk, Clear Signature	Clear Desk, Clear Screen
Mengapakah kawalan akses perlu dilaksanakan?	Agar maklumat boleh dicapai oleh sesiapa sahaja.	Menghadkan dan mengawal akses kepada data dan maklumat.
Salah satu komponen dalam perisian Microsoft Office 365 yang dipasang di setiap komputer dan notebook yang dibekalkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri ialah OneDrive . Apakah yang dimaksudkan dengan OneDrive ?	Maklumat/dokumen rasmi terperingkat jabatan	Storan di awan atau cloud menyokong capaian fail/ dokumen rasmi jabatan dengan mudah di mana-mana sahaja
Kembali Untuk Semak		

- Semak senarai jawapan yang dijawab salah dengan jawapan yang betul.
- Klik butang **“Kembali untuk Semak”** untuk kembali ke menu utama.

1.8 Perakuan Akta Rahsia Rasmi

PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH PEGAWAI AWAM BERKAITAN DENGAN AKTA RAHSIA RASMI 1972 [AKTA 88] TAHUN 2025

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan bahawa saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta itu. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah dan tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu rahsia rasmi dan surat rasmi atau apa-apa tingkah laku yang membahayakan keselamatan atau kerahsiaan sesuatu rahsia rasmi adalah menjadi suatu kesalahan di bawah seksyen 8 Akta tersebut, yang boleh dihukum dengan penjara selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun tetapi tidak lebih daripada tujuh tahun. Saya faham bahawa segala rahsia rasmi dan surat rasmi yang saya peroleh dalam perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau perkhidmatan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia, adalah milik Kerajaan dan tidak akan membocorkan, menyiarkan, atau menyampaikan, sama ada secara lisan atau dengan bertulis, kepada sesiapa jua dalam apa-apa bentuk, kecuali pada masa menjalankan kewajiban- kewajiban rasmi saya, sama ada dalam masa atau selepas perkhidmatan saya dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau dengan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis pihak berkuasa yang berkenaan. Saya berjanji dan mengaku akan menandatangani satu akuan selanjutnya bagi maksud ini apabila meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan.

Nama : ALI BIN ABU

NoKP : 850206075000

Jabatan : PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Bahagian : BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI NEGERI

Tarikh : 05-11-2025 17:27:25

☒ Saya telah membaca dan faham Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] untuk ditandatangani

Seterusnya *Integrity Pack*

- i) Tandakan Saya telah membaca dan faham Akta Rahsia Rasmi [Akta 88] untuk ditandatangani.
- ii) Klik butang “**Seterusnya Integrity Pack**” untuk ditandatangani.

1.9 Perakuan Pegawai yang terlibat dalam Perolehan Tahun semasa

SURAT AKUAN OLEH PEGAWAI AWAM YANG TERLIBAT DALAM PEROLEHAN TAHUN 2025

Saya ALI BIN ABU No. Kad Pengenalan 850206075000 adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisytiharkan bahawa:

I. Saya tidak akan melibatkan diri saya dalam mana-mana amalan rasuah dengan mana-mana pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam perolehan;

II. Saya tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak yang boleh menjejaskan ketelusan dan keadilan semasa mana-mana proses perolehan dan semasa tempoh pelaksanaan kontrak;

III. Sekiranya terdapat sebarang percubaan rasuah daripada mana-mana pihak, saya akan membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya;

IV. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya mematuhi perkara i, ii dan iii dalam Surat Akuan ini boleh menyebabkan saya didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing;

V. Saya akan mengisytiharkan dengan segera kepada Ketua Jabatan sekiranya terdapat mana-mana anggota atau keluarga terdekat yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan perolehan yang dikendalikan oleh saya;

VI. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan perolehan Kerajaan kepada mana-mana pihak selaras dengan Seksyen 8(1) Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]; dan

VII. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam Surat Akuan ini, saya juga boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Nama : ALI BIN ABU

NokP : 850206075000

Jabatan : PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Bahagian : BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI NEGERI

Tarikh : 05-11-2025 17:27:25

*Catatan:

(i) *Termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3(a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].

☒ Saya telah membaca dan faham perakuan ini untuk ditandatangani

Seterusnya Konflik Kepentingan

- Tandakan Saya telah membaca dan faham perakuan ini untuk ditandatangani.
- Klik butang “**Seterusnya Konflik Kepentingan**” untuk ditandatangani.

1.10 Perakuan Aku Janji Konflik Kepentingan tahun semasa

AKU JANJI KONFLIK KEPENTINGAN TAHUN 2025

Saya ALI BIN ABU No. Kad Pengenalan 850206075000 dengan ini mengaku bahawa saya tidak mempunyai apa-apa konflik kepentingan yang melibatkan saudara dan sekutu (merujuk kepada tafsiran dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 – Akta 694) semasa menjalankan tugas rasmi di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Saya juga berjanji bahawa sekiranya saya mempunyai konflik kepentingan dengan mana-mana tugas rasmi, saya hendaklah mengisytiharkan kepentingan tersebut secara bertulis kepada Ketua Bahagian / Unit dan menarik diri daripada terlibat dalam urusan rasmi berkenaan.

Saya akur sekiranya mengingkari janji ini atau didapati telah memberikan maklumat palsu untuk menutup kepentingan semasa menjalankan tugas rasmi, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan – Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993.

Nama : ALI BIN ABU

NoKP : 850206075000

Jabatan : PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Bahagian : BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI NEGERI

Tarikh : 05-11-2025 17:27:25

☒ Saya telah membaca dan faham Aku Janji Konflik Kepentingan

Selesai

- i) Tandakan Saya telah membaca dan faham Aku Janji Konflik Kepentingan untuk ditandatangani.
- ii) Klik butang “**Selesai**” untuk menyemak **Sistem Pemahaman Rasuah, Integriti dan Governans (eCIG)** tahun semasa.

1.11 Semakan Sistem Pemahaman Rasuan dan Integriti (eCIG) tahun semasa yang telah di tandatangani

A Profil Pegawai

Nama: ALI BIN ABU

No Kad Pengenalan: 850206075000

B Ringkasan Ikrar Bebas Rasuah, Akta Rahsia Rasmi, *Integrity Pack* dan Konflik Kepentingan tahun 2025

Ikrar Bebas Rasuah

Akta Rahsia Rasmi

Integrity Pack

Konflik Kepentingan

Bahagian/Jabatan	Tahun	Markah	Tarikh Aku Janji	Cetak Semula
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI NEGERI, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG	2025	40	05-11-2025 05:27 PM	Cetak Slip

C Ringkasan Sejarah Ikrar Bebas Rasuah, Akta Rahsia Rasmi, *Integrity Pack* dan Konflik Kepentingan

Tiada rekod markah yang ditemui.